

## TRANSFORMASI BELIA INDIA BERISIKO DI MALAYSIA

*Pramela Krish, Ramalingam Rajamanickam dan Pasupathi Sithamparam*

Apabila ekonomi Malaysia berkembang pesat, pembangunan dan pemeraksanaan belia menjadi faktor yang amat penting dalam memastikan masa depan yang cerah untuk negara. Oleh itu, potensi belia perlu diserahkan sepenuhnya dengan mengurangkan kadar pengangguran, membasmi kemiskinan, menyediakan pendidikan yang berkualiti dan memberikan peluang yang tepat kepada belia. Belia daripada perspektif bahasa ditakrifkan sebagai, orang yang sudah akil baligh namun belum mencapai usia tua. Belia juga didefinisikan sebagai orang muda; pemuda atau pemudi (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2020). Seksyen 2 Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668) pula mentafsirkan belia sebagai seseorang yang berumur tidak kurang daripada 15 tahun dan tidak lebih daripada 40 tahun. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri Malaysia, jumlah keseluruhan belia pada tahun 2018 adalah sebanyak 15,101,800 orang.

Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Hal ini kerana jumlah keseluruhan belia pada tahun 2015 mencatat sebanyak 14,491,600 orang, pada tahun 2016, sebanyak 14,746,700 orang dan pada tahun 2017 pula jumlah belia mencatat sebanyak 14,953,500 orang (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2020). Berdasarkan statistik tersebut, 46.64% daripada keseluruhan penduduk Malaysia tergolong dalam kalangan belia. Menjelang tahun 2030 pula, golongan belia dianggarkan menjadi kumpulan majoriti yang bakal mewakili para pemegang taruh dalam mencorak dan menentukan kemahiran kepimpinan Malaysia pada masa hadapan (Berita Harian, 2019). Merujuk kepada konteks belia kaum India di Malaysia, jumlah keseluruhan golongan ini juga telah menunjukkan peningkatan. Pada tahun 2018, jumlah keseluruhan golongan belia India telah mencatat sebanyak 897,200 orang (452,800 orang lelaki dan 444,400 orang perempuan) dan pada tahun 2017 pula, sebanyak 890,500 orang (449,600 orang lelaki dan

440,900 orang perempuan). Bagi tahun 2016 dan 2015 pula, jumlah keseluruhan belia mencatat sebanyak 886,700 orang (448,200 orang lelaki dan 438,500 orang perempuan) dan 884,200 orang (448,400 orang lelaki dan 435,800 orang perempuan) (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2020) masing-masing. Hal ini menunjukkan bahawa 6% daripada populasi belia di Malaysia terdiri daripada golongan belia kaum India. Belia merupakan elemen penting dalam pembangunan negara (Janice Lay Hui Nga & Victor Terry King, 2006). Belia (juga dikenali sebagai orang muda) di setiap negara dilihat sebagai sumber manusia yang utama untuk pembangunan dan diiktiraf sebagai agen utama untuk perubahan sosial, pembangunan ekonomi dan inovasi teknologi (Bhutan, 2010). Mereka juga adalah sumber harapan terbesar bagi masa depan negara (Bhutan, 2010). Oleh itu, persediaan yang mencukupi menjadi aspek yang amat penting dalam membentuk anak-anak muda menjadi sebagai peneraju negara pada masa hadapan.

Hal ini juga dapat direalisasikan melalui inisiatif yang harus diambil dalam menangani keperluan semasa dan masa hadapan mereka. Dengan mengiktiraf aspek ini, banyak negara seperti Bhutan telah berjaya melaburkan sumber yang sangat besar untuk memastikan semua golongan muda diberikan peluang untuk berkembang, maju dan makmur sebagai warga yang terlibat, responsif dan produktif (Bhutan, 2010). Malaysia juga turut melabur untuk menangani isu-isu belia dan sentiasa memikirkan strategi yang terbaik untuk masa hadapan belia. Sehubungan itu, bab ini akan membincangkan salah satu aspek penting yang berkaitan dengan belia, iaitu pemerksaan belia. Dalam konteks ini, pemerksaan belia India berisiko menjadi tumpuan bab ini disebabkan oleh kewujudan bilangan belia India yang banyak dalam kategori berisiko di Malaysia. Bab ini akan dimulakan dengan memberikan gambaran umum tentang belia berisiko dan seterusnya difokuskan kepada Malaysia. Selanjutnya, bab ini akan menyetengahkan program intervensi yang dijalankan dalam memperkasakan belia India berisiko di Malaysia. Selain itu, bab ini juga akan membincangkan impak program intervensi berkenaan kepada pemerksaan belia India berisiko yang menjalani program intervensi tersebut di Malaysia.